

Wang ihsan mangsa banjir akan dipercepat, kata Zahid
Malaysian Insider
Nov 5, 2015

Kerajaan berazam wang ihsan RM500 untuk setiap isi rumah mangsa banjir kali ini dapat diberikan sebelum banjir surut, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata pemberian itu wajar dilakukan segera untuk kegunaan mangsa banjir yang memerlukan bantuan perbelanjaan.

Katanya 1 memorandum akan disediakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Shahidan Kasim dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek untuk diserahkan kepada kabinet bagi menambah baik kaedah pemberian wang ihsan itu.

"Memorandum itu untuk kelulusan, wang ini datangnya daripada syarikat insurans berdasarkan pembayaran premium yang dibuat Agensi Pengurusan Bencana Negara.

"Apabila berlaku banjir maka syarikat insurans yang mengambil premium itu akan membayar dengan jumlah yang lebih daripada RM500 untuk 1 isi rumah dan dapat dibayar sebelum air surut," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Bencana Negara di Kuala Lumpur hari ini. – Bernama, 5 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/wang-ihsan-mangsa-banjir-akan-dipercepat-kata-zahid>